

22 OCT 2003

Media/I

KEMARAHAAN MEDIA BARAT TERHADAP UCAPAN DR M MEMANG DIJANGKA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 22 Okt (Bernama) -- Bantahan keras media Amerika terhadap ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Yahudi baru-baru ini memang sudah dijangkakan, namun beberapa orang, mentafsir secara mendalam ucapan tersebut dan tidak tergesa-gesa mengutuk pemimpin Malaysia yang akan bersara itu.

Paul Krugman dalam ruang editorial New York Times pada Selasa menulis: "Sesungguhnya, ucapan itu tidak dapat dimaafkan. Namun mereka juga perlu menghitung bahawa Dr Mahathir merupakan ahli politik yang tidak suka berselindung, pemimpin yang tidak jahil atau pun bodoh. Dan untuk memahami mengapa beliau membuat kenyataan itu, adalah dengan menyedari bagaimana teruknya dasar luar Amerika Syarikat."

"Hakikat bahawa Dr Mahathir, walaupun bersalah kerana menyalahgunakan kuasa, dalam banyak perkara merupakan pemimpin Islam yang berpandangan ke depan yang kita cari-cari. Dan Malaysia sendiri merupakan contoh kejayaan yang kita berharap dapat melihat lebih banyak : rekod pertumbuhan ekonomi yang membanggakan, peningkatan tahap pendidikan dan pemodenan secara am di negara yang majoriti penduduknya beragama Islam," kata Krugman.

"Memang berbaloi membaca ucapan beliau minggu lepas, melampaui daripada 28 perkataan yang menyakitkan hati. Kebanyakannya dituju kepada umat Islam, khususnya ulama."

Dua puluh lapan perkataan yang dianggap menyakitkan hati oleh media Amerika, pentadbiran Bush dan Yahudi keseluruhannya yang diucapkan oleh Dr Mahathir pada sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur minggu lepas ialah:

"Orang Eropah membunuh enam juta Yahudi yang berjumlah 12 juta. Namun hari ini, Yahudi memerintah dunia ini menerusi proksi: Mereka dapatkan orang lain untuk berperang dan mati untuk mereka."

Krugman percaya kenyataan "anti-Sematik" Dr Mahathir itu merupakan sebahagian daripada usahanya untuk mengimbangi politik tempatan. "Bagi memastikan ekonomi berkembang, Dr Mahathir mesti membenarkan minorti Cina makmur, tetapi bagi menangani ketegangan etnik, beliau mesti memihak, retorik kepada orang Melayu."

Menurutnya ucapan itu menunjukkan "bagaimana kuatnya kebangkitan arus anti-Amerika dan anti-Semitisme di kalangan umat Islam di Asia Tenggara.

"Terima kasih kepada peperangan ke atas Iraq dan sokongan tidak berbelah bagi terhadap Ariel Sharon, Washington berjaya memperoleh simpati pasca 9/11 dan menjadikan hubungan dengan dunia Islam ke tahap yang begitu rendah," kata Krugman.

"Di suatu tempat di Pakistan, Osama bin Laden pasti gembira dengan keadaan ini. Peperangan menangani keganasan tidak perlu dianggap sebagai perang ke atas Islam, tetapi berusaha sebaik mungkin untuk menjadikannya seolah-olah ianya begitu," kata Krugman.

Sementara itu, the New York Times menyiarkan petikan-petikan ucapan Dr Mahathir yang disampaikannya di Putrajaya. The Times menyiarkan lapan perenggan ucapan itu yang dikeluarkan oleh Associated Press, bertajuk "Views on Jews by Malaysian: His Own Words."

Penulis Washington Post, Richard Cohen pula dalam tulisannya menganggap kenyataan-kenyataan Dr Mahathir "lain sikit, keterlaluan, kadang-kala menimbulkan rasa meluat. Namun sepanjang berkuasa selama 22 tahun, beliau dilihat sebagai pemimpin sederhana yang progresif. Beliau juga jauh daripada tradisi Barat yang membenci Yahudi dan kemungkinan beliau langsung

tidak tahu kenyataannya akan dianggap menghina dan taksub.

Cohen mendakwa perkataan seperti itu selalunya merupakan petanda kepada keganasan. "Akhirnya, bahasa seperti itu boleh mewajarkan penggunaan apa yang dipanggil bom Islam, senjata atom seperti yang sedang dibangunkan oleh Iran dan yang telah dimiliki Pakistan."

Bagaimanapun, sebaliknya kenyataan kontroversi Dr Mahathir itu telah mengalih perhatian media barat terhadap toleransi ketaksuban pentadbiran Bush.

Washington Post dalam sidang pengarangnya, menyokong Presiden George W. Bush kerana menarik keluar Dr Mahathir semasa sidang kemuncak Apec di Bangkok dan dilaporkan memberitahu Perdana Menteri bahawa kenyataan "anti-semitic" adalah "salah dan memecahbelahkan."

The Post, bagaimanapun menegur Bush kerana tidak mengkritik kenyataan memperkecil-kecilkan Islam yang dibuat oleh seorang anggota pentadbirannya sendiri, Lt Jen William G. "Jerry" Boykin, timbalan setiausaha rendah pertahanan bagi risikan.

Dalam rakaman pita video yang diambil ketika pertemuannya dengan kumpulan gereja, Jen Boykin yang berpakaian tentera, menyifatkan Amerika Syarikat sebagai sebuah "negara Kristian" dan berkata beliau mengetahui akan dapat menawan hulubalang perang Somalia kerana "saya tahu tuhan saya lebih besar daripada tuhan saya. Saya tahu tuhan saya adalah yang sebenar sedangkan tuhan saya merupakan patung."

Jen Boykin melancarkan perang terhadap keganasan sebagai "perjuangan rohani," dengan berkata bahawa "Syaitan mahu memusnahkan negara, dia mahu memusnahkan kita sebagai sebuah negara dan dia mahu memusnahkan kita sebagai tentera Kristian."

Ulasan Jen Boykins sudahpun menjadi umpan politik -- bagi mereka yang mendesak kepercayaan bahawa Amerika Syarikat kini melancarkan perang ke atas Islam dan bukan terhadap keganasan.

Walaupun pengerusi Ketua Staf Bersama, Jen Richard B. Myers berkata kenyataan Jen Boykins tidak melanggar sebarang peraturan, namun Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld mengisytiharkan, "kita rakyat yang bebas," manakala Penasihat Keselamatan Kebangsaan Condoleeza Rice pula mengelak soalan itu sebanyak dua kali di televisyen ABC.

The Post berkata: "Presiden perlu berterus terang mengenai komen yang salah dan memecahbelahkan -- sama ada ia diucapkan oleh pemimpin asing atau oleh salah seorang jeneralnya sendiri."

-- BERNAMA

SH KHY RM LAT